



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



Pertandingan Water Vision 2018 “Edisi Kitar Semula” Syarat-syarat dan Peraturan

A. KELAYAKAN UNTUK MENYERTAI PERTANDINGAN

1. Tempoh pertandingan adalah dari **31 Mac 2018 hingga 31 Julai 2018**. Oleh itu, setiap kandungan atau aktiviti yang dijalankan mestilah sepanjang tempoh yang tertera seperti di atas.
2. Pertandingan Water Vision 2018 (“Pertandingan”) dibuka untuk semua pelajar sekolah menengah (kerajaan atau swasta) yang berdaftar sebagai ahli Kelab Pencinta Alam (KPA) sahaja.
3. Pertandingan ini dibuka untuk semua pelajar yang berada dalam Tingkatan 1 hingga 4 (berumur antara 13-16 tahun) sahaja.
4. Peserta pertandingan hendaklah membentuk satu kumpulan yang terdiri daripada 4 pelajar dan 1 guru penasihat
5. Setiap sekolah boleh menghantar lebih dari 1 penyertaan. Bagaimanapun, setiap penyertaan mestilah dihantar dengan menggunakan Borang Penyertaan dan Borang Kebenaran Ibu Bapa yang berasingan. Borang-borang ini boleh dimuat turun dari www.mns.my atau <http://watervisionprogramme.weebly.com/>. Fotokopi adalah dibenarkan.

B. CARA-CARA MENYERTAI PERTANDINGAN WATER VISION 2018

LANGKAH 1 (PENGESAHAN PENYERTAAN): Sekolah yang berminat untuk menyertai Pertandingan Water Vision 2018 hendaklah menghantar Borang Pengesahan Penyertaan berserta maklumat Jawatankuasa melalui email, faks ataupun pos selewat-lewatnya **15 Mei 2018**. Borang Pengesahan Penyertaan boleh didapati daripada Buletin Tapir, laman web Water Vision (<http://watervisionprogramme.weebly.com/>) atau dari laman web www.mns.my. Fotokopi dibenarkan.

LANGKAH 2 (TUBUHKAN JAWATANKUASA KITAR SEMULA) Tubuhkan satu Jawatankuasa Kitar Semula yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 4 orang pelajar dan 1 orang guru penasihat. Tentukan peranan setiap ahli Jawatankuasa. Tetapkan satu sasaran bagi pengumpulan sisa plastik yang boleh dicapai oleh Jawatankuasa anda. Siapkan perancangan bagaimana untuk mencapai sasaran Jawatankuasa. Perancangan anda mungkin memerlukan penglibatan warga sekolah dan/atau komuniti setempat.

LANGKAH 3 (KUMPULKAN SISA PLASTIK): Kumpulkan sisa plastik. Terdapat pelbagai jenis sisa plastik yang boleh didapati di dalam persekitaran kita. Sila layari website Water Vision (<http://watervisionprogramme.weebly.com/>), Tapir Bulletin atau laman Facebook MNS Coca-Cola Water Vision (<https://www.facebook.com/WaterVision/>) untuk maklumat terperinci tentang sisa plastik dan bagaimana untuk mengendalikan sisa tersebut. Anda mungkin mahu bekerjasama dengan seluruh warga sekolah dan/atau warga komuniti untuk mengumpulkan lebih banyak sisa plastic.

LANGKAH 4 (JUAL KEPADA PENGUMPUL BARANGAN KITAR SEMULA): Hubungi Pusat Pengumpulan Kitar Semula yang terdekat untuk membeli sisa plastik yang telah dikumpulkan. Pastikan sisa plastik telah dibersihkan dan diasingkan berdasarkan jenis plastik yang berbeza. Pastikan sisa plastik yang dikumpulkan ditimbang dan dibayar. Dapatkan resit berserta cop syarikat/pusat pengumpul sisa plastik, berat / bilangan sisa plastik yang dijual berserta nilai bayaran yang diperoleh.

LANGKAH 5 (FACEBOOK): Cari “MNS/Coca-Cola Water Vision Program” di Facebook. Kongsikan gambar, video, atau apa-apa entri berkaitan Projek Water Vision dengan rakan-rakan di Facebook. Sertakan (tag) “MNS/Coca-Cola Water Vision Program” pada setiap entri tersebut. Gunakan hastag “#RecyclingEdition2018”, “#WaterVision2018”, “#MNS” dan #cocacolamy di setiap post anda



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



Pertandingan Water Vision 2018 “Edisi Kitar Semula” Syarat-syarat dan Peraturan

LANGKAH 6 (PERSEMBAHAN MULTIMEDIA): Hasilkan satu persembahan multimedia yang memperincikan tentang usaha anda untuk mengumpulkan sisa plastik serta aktiviti kesedaran alam sekitar berkaitan sisa plastik di sekolah dan/atau di dalam komuniti

Hantarkan Penyertaan anda selewat-lewatnya pada **31 Julai 2018**, sebelum jam **5.00** petang kepada:

Pertandingan Water Vision 2018,
Persatuan Pencinta Alam Malaysia,
JKR 641, Jalan Kelantan,
Bukit Persekutuan,
50480 Kuala Lumpur.

Setiap penyertaan mestilah dihantar dengan menggunakan Borang Penyertaan dan Borang Kebenaran Ibu Bapa yang berasingan. Borang-borang ini boleh dimuat turun dari www.mns.my. Fotokopi dibenarkan.

C. GARIS PANDUAN PERSEMBAHAN MULTIMEDIA

1. Setiap ahli kumpulan mestilah bekerjasama untuk menghasilkan satu persembahan multimedia kreatif yang menekankan perkara-perkara berikut:
 - Adakah warga sekolah dan/atau komuniti mempunyai masalah pencemaran yang disebabkan oleh sisa plastik? Sekiranya ya, apakah masalah tersebut?
 - Berapakah jumlah sisa plastik yang telah berjaya dikumpulkan?
 - Terangkan usaha-usaha yang telah dijalankan untuk mengumpulkan sisa plastik tersebut
 - Bagaimana anda meningkatkan kesedaran warga sekolah dan/atau komuniti tentang sisa plastik?
 - Bagaimana anda menyimpan sisa plastik yang dikutip?
 - Bagaimana anda mengasingkan sisa plastik tersebut?
 - Sekiranya sisa plastik menyebabkan masalah pencemaran di sekolah dan/atau komuniti, adakah usaha-usaha pengumpulan sisa plastik telah menyelesaikan masalah ini?
 - Berapakah wang tunai yang diperolehi apabila sisa plastik ini dijual kepada Pengumpul barang kitar semula?
 - Bagaimanakah wang yang diperolehi digunakan?
2. Bahan persembahan yang dihasilkan mestilah **tidak melebihi 8 minit** dan boleh disediakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
3. Fail persembahan multimedia mestilah boleh dibuka dengan menggunakan Microsoft Power Point atau Windows Media Player. Sekiranya tidak menggunakan salah satu daripada dua format tersebut, sertakan arahan yang jelas untuk membuka persembahan multimedia tersebut. Sekiranya persembahan multimedia tidak dapat dibuka, penyertaan akan terbatal secara automatik. Sertakan label dengan jelas. Fail yang tidak dapat dibuka atau tidak dilabel dengan jelas akan dibatalkan penyertaannya.
4. Penyertaan akan terbatal secara automatik sekiranya ia didapati a) bukan hasil karya sendiri; b) melanggar hak cipta mana-mana pihak ketiga c) terlibat dengan aktiviti/perlakuan tidak bermoral, berakhlak, menyinggung perasaan mana-mana pihak, menimbulkan fitnah, menyentuh soal agama, bangsa, politik atau isi kandungan Pernyataan didapati mengandungi unsur-unsur yang dianggap tidak bersesuaian oleh Coca-Cola dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (“Penganjur”).



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



Pertandingan Water Vision 2018 “Edisi Kitar Semula” Syarat-syarat dan Peraturan

D. PENILAIAN

1. Penyertaan akan dinilai berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

Kandungan	60%	Persembahan multimedia	40%
Perkaitan dengan tema	20%	Kreativiti	15%
Kesesuaian & keberkesanan langkah penyelesaian yang dicadangkan	40%	Penyampaian mesej yang jelas	15%
		Penyampaian mesej di media sosial	10%

2. Panel juri terdiri daripada pakar pemuliharaan alam sekitar dari Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Coca-Cola Malaysia dan universiti tempatan.
3. Keputusan juri adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

D. HADIAH

- **Sijil penyertaan peringkat kebangsaan** akan diberikan kepada semua peserta pertandingan.
- Hadiah Utama ialah **Sistem Penuaian Air Hujan** di sekolah atau di dalam komuniti
- 3 penyertaan terbaik akan mendapat jemputan ke **Perkhemahan Pemenang Water Vision** di Kuala Lumpur selama 3H2M
- Semua sekolah yang menyertai Pertandingan Water Vision akan dianugerahkan dengan lencana **“Recycle Rebel”** daripada MNS. Ia merupakan satu sistem merit yang diberikan kepada orang awam bagi menggalakkan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar

1. Keputusan pertandingan ini akan dimaklumkan melalui laman web MNS, pihak sekolah dan guru penasihat peserta
2. Hadiah tidak boleh ditukar atau diganti dengan wang ringgit. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap waranti, penyelenggaraan atau apa-apa caj tambahan untuk hadiah yang ditawarkan. Pihak penganjur juga berhak untuk menukar hadiah yang ditawarkan dengan hadiah alternatif yang mempunyai nilai yang sama atau lebih tinggi.

E. HAK PENGGUNAAN PENYERTAAN

1. Dengan menyertai Pertandingan ini, peserta membenarkan pihak penganjur dan agensi-agensi yang berkaitan untuk menggunakan nama atau gambar anda yang diambil semasa mana-mana acara anjuran penganjur.
2. Ke semua penyertaan yang dihantar akan menjadi milik penganjur dan tidak akan dipulangkan kepada peserta.
3. Penganjur mempunyai hak untuk menghantar maklumat pemenang kepada media massa apabila difikirkan perlu untuk tujuan publisiti.
4. Apabila menyertai Pertandingan ini, para peserta bersetuju dengan perkara berikut:
 - Membenarkan dan memindahkan semua hak cipta di dalam penyertaan (termasuk tajuk penyertaan) kepada pihak penganjur. Pihak penganjur juga berhak untuk membuat sebarang suntingan pada penyertaan yang dihantar tanpa meminta kebenaran daripada peserta



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



Pertandingan Water Vision 2018 “Edisi Kitar Semula” Syarat-syarat dan Peraturan

pertandingan.

- Memberikan segala hak cipta yang terdapat di dalam semua atau sebahagian daripada setiap ahli kumpulan untuk tujuan publisiti, pemasaran, pengiklanan dan penggunaan komersial.
- Penyertaan yang dihantar adalah karya sendiri dan tidak melanggar hak cipta mana-mana pihak.
- Bersetuju untuk memberikan lain-lain dokumen/maklumat yang berkaitan dengan karya/ciptaan penyertaan kepada pihak penganjur apabila diperlukan.

G. SYARAT-SYARAT UMUM

1. Sebarang maklumat dalam bahan-bahan promosi, Borang Penyertaan dan lain-lain komunikasi membentuk syarat-syarat dan peraturan pertandingan.
2. Apabila menyertai pertandingan, para peserta bersetuju untuk mematuhi semua syarat-syarat dan peraturan pertandingan. Pernyataan akan terbatal sekiranya didapati melanggar mana-mana syarat-syarat dan peraturan pertandingan.
3. Pihak penganjur bersama adalah Coca-Cola Far East Limited, 8th Floor, Menara Shell, No. 211 Jalan Tun Sambathan, 50470 Kuala Lumpur dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia, JKR 641, Jalan Kelantan, Bukit Persekutuan, 50480 Kuala Lumpur.
4. Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan melalui emel kepada [ee_programs@mns.org.my/](mailto:ee_programs@mns.org.my) education@mns.org.my atau hubungi Jabatan Pendidikan Alam Sekitar, MNS di 03-22879422.
5. Syarat-syarat dan peraturan pertandingan ini boleh juga diperoleh dari www.mns.my, <http://watervisionprogramme.weebly.com/>, atau hubungi Jabatan Pendidikan Alam Sekitar di 03-22879422 atau emelkan kepada ee_programs@mns.org.my / education@mns.org.my (Isnin – Jumaat, antara pukul 9.00 pagi sehingga 5.30 petang, tidak termasuk cuti umum).